

TEKAD ANAK RUMAH KEBAJIKAN



BERSAMA KAUNSELOR

Pn Siti Fatimah
Abdul Ghani

Kaunselor Berdaftar
Sekyen Kaunseling Pelajar,
Universiti Putra Malaysia
sitifatimah@upm.edu.my

? Saya lepasan diploma dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta berasal dari Kedah. Selepas bertungku-kulumus selama beberapa tahun, saya berjaya menamatkan pengajian dengan pelbagai rintangan.

Sebelum ini, saya dibesarkan di rumah anak yatim dan selepas tamat tingkatan 5, saya mencari kerja sampingan untuk mendapatkan pendapatan tambahan.

Saya bersyukur kerana dijaga dengan baik oleh ibu bapa angkat ketika berada dalam keluarga besar di rumah kebajikan. Meskipun wujud rasa sedih dan terkilan kerana merindui ibu dan bapa yang tidak pernah saya kenali, saya tetap bersyukur kepada Allah kerana masih diberi peluang menjalani kehidupan ini.


Saya memilih jurusan ICT kerana ia bidang yang

sangat saya minati. Ibu angkat banyak membantu dan menyokong. Ia tidak mudah tetapi saya tetap berusaha melakukan yang terbaik. Kini saya sudah menamatkan pengajian dan bercadang mencebur ke bidang kerjaya berkaitan.

Saya harap puan dapat membantu merencanakan perjalanan kerjaya saya dalam bidang ini. Buat masa ini, saya bekerja dengan sebuah syarikat pengiklanan dan masih mengharapkan peluang lebih besar. Dengan bimbingan puan, saya berharap lebih bersedia untuk membuat perancangan lebih mantap. Terima kasih.

SEMANGAT WAJA Kedah

! Tahniah diucapkan kepada anda kerana berjaya mencapai apa yang diimpikan.



Anda membuat pilihan bijak dan penuh komitmen. Atas dasar itulah anda mampu tersenyum dengan kejayaan ini. Ternyata ia satu pengalaman luar biasa dan bukan semua orang mampu menghadapinya.

Sesungguhnya Allah memberi ujian besar kepada anda sejak kecil, namun di sebalik itu, anda dikurniakan semangat luar biasa.

Saya juga mengucapkan tahniah terhadap kejayaan anda mendapat pekerjaan dalam tempoh singkat selepas menamatkan pengajian. Rezeki Allah sangat luas untuk sesiapa yang berusaha. Atas dasar itu, anda diberi kemudahan untuk mendapat pekerjaan sebaik menerima diploma.

Bagi tujuan bimbingan kerjaya, saya menggariskan beberapa

rapa panduan dalam usaha membuat perancangan. Antaranya:

1 Nilai keinginan. Perkara asas yang perlu diperincikan ialah menilai keinginan. Bermula dari sekarang, anda perlu menilainya. Ada pelbagai keinginan yang perlu dikenal pasti supaya anda bijak menyusun langkah seterusnya. Dalam hal ini, anda perlu mengetahui hala tuju kerjaya anda. Jika ada keinginan yang jitu, sebaiknya anda sudah boleh mulakan satu draf perancangan kerjaya.

2 Cari peluang. Selepas pasti dengan keinginan sendiri, anda perlu mencari peluang. Peluang itu ada di mana-mana, yang penting anda rajin mencarinya. Peluang boleh hadir secara langsung atau tidak langsung. Perbaiki kemahiran komunikasi supaya lebih berkesan bagi memudahkan anda bergaul dengan ramai orang dan mendapatkan informasi peluang yang ada.

3 Menimba pengalaman iaitu belajar kemahiran

yang berkaitan sepanjang tempoh bekerja di syarikat berkenaan. Anda bertuah kerana mendapat peluang bekerja dalam bidang dipelajari. Segala pengalaman itu sungguh berharga untuk anda memantapkan diri. Jika berminat untuk memiliki perniagaan sendiri dalam bidang berkaitan, anda memerlukan pengalaman kerja agar mahir dalam pengurusan perniagaan. Jika berminat bekerja dalam kepakaran tertentu, pengalaman juga perlu diberi perhatian.

4 Membina jalinan kerjasama. Hubungan baik dengan rakan sekerja dan persekitaran pekerjaan keseluruhan membolehkan anda membina jalinan kerjasama. Selain itu, ia juga memberikan anda idea dalam membuat perancangan kerjaya. Seboleh-bolehnya, anda tidak perlu menyatakan semua perancangan, sebaliknya lebih kepada perkongsian pengalaman dan idea daripada mereka yang berpengalaman.